



**IBU PEJABAT**  
**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT**  
**MALAYSIA**  
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7  
62250 PUTRAJAYA.



Telefon : 603-88880036  
Facsimile : 603-88927977/88927978  
Laman Web : [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)  
E-mail : [bkkjbpm@bomba.gov.my](mailto:bkkjbpm@bomba.gov.my)

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kaml : JBPM/IP/BKK:700-3/1 Jld. 4 (16)  
Tarikh : 7 Mac 2019

**YS Pengarah,**

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Selangor  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Kuala Lumpur  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Johor  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri P. Pinang  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Pahang  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Kedah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sarawak  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sabah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri N. Sembilan  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Melaka  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Perak  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Terengganu  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Kelantan  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, W.P Labuan  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, W.P Putrajaya  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Perlis

YS Dato' / Tuan,

## **PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN PERAKUAN BOMBA DI BANGUNAN KERAJAAN**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jemmah Menteri pada 9 Januari 2019 telah mengarahkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk menguatkuasakan Perakuan Bomba (FC) di bangunan kerajaan yang dikategorikan sebagai sesuatu Premis Ditetapkan. Walaubagaimanapun dengan pelaksanaan penguatkuasaan ini boleh melibatkan peruntukan yang besar disebabkan oleh pengubahsuaian premis, menaik taraf Pepasangan Keselamatan Kebakaran (PKK) sedia ada atau kerja-kerja membaik pulih PKK, maka mesyuarat Ketua-Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan memutuskan supaya pelaksanaan penguatkuasaan Perakuan Bomba ini di buat secara berperingkat.

**'CEPAT DAN MESRA'**



3. Sehubungan itu, jabatan telah merancang agar pelaksanaan Penguatkuasaan Perakuan Bomba di Premis Kerajaan yang dikategorikan sebagai Premis Ditetapkan seperti berikut :

a) Kaedah Pelaksanaan adalah dalam Dua (2) fasa iaitu :

| Fasa   | Tarikh                         | Premis Ditetapkan                                                                                                                            |
|--------|--------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Fasa 1 | Februari hingga Ogos 2019      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hospital dan Rumah Rawatan</li> <li>• Asrama dan Dormitori</li> <li>• Tempat Perhimpunan</li> </ul> |
| Fasa 2 | September hingga Disember 2019 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pejabat</li> <li>• Perpustakaan</li> <li>• Storan dan Am</li> </ul>                                 |


- b) Sekiranya hasil pemeriksaan mendapati adanya PKK yang tidak mencukupi atau tidak berada dalam keadaan yang baik, Notis FC 6 perlu dikeluarkan. Tempoh notis adalah disarankan supaya bersesuaian dengan tindakan yang perlu dilaksanakan. Bagi kes-kes yang memerlukan PKK yang baru atau menaik taraf, adalah disarankan tempoh notis sekurang-kurangnya 730 hari, ini kerana ianya melibatkan tatacara perolehan kerajaan.
- c) Hendaklah mengadakan perjumpaan atau memberi taklimat dengan pemunya, penghuni dan pengurusan bangunan-bangunan kerajaan berhubung dengan penguatkuasaan keperluan FC di premis kerajaan.
- d) Laporan statistik hendaklah dikemukakan ke Bahagian Keselamatan Kebakaran, Ibu Pejabat pada setiap bulan mengikut format yang disediakan seperti di lampiran melalui email [bkkjbpm.bomba@1govuc.gov.my](mailto:bkkjbpm.bomba@1govuc.gov.my) dan [alepjuhari@gmail.com](mailto:alepjuhari@gmail.com).

4. Oleh itu, YS Dato'/Tuan adalah diarahkan agar melaksanakan penguatkuasaan Perakuan Bomba di Premis Kerajaan yang dikategorikan sebagai Premis Ditetapkan seperti mana di para 3 surat ini.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' HAJI AMER BIN HAJI YUSOF)**  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

s.k :

- i. YAS Ketua Pengarah, JBPM
- ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JBPM
- iii. YS Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran

**Bulan:**

**Nota:**

1. Untuk Colum Penggunaan Premis dan Tindakan hendaklah klik pada *Button Drop Down*
2. Sekiranya Keluar FC 6 mohon nyatakan perkara-perkara yang perlu dilaksanakan di ruangan CATATAN

Reply all | Delete Junk |

## SURAT PENGUATKUASAAN FC DIBANGUNAN KERAJAAN



Aleps Khir &lt;alepjuhari@gmail.com&gt;

Reply all |

Today, 3:55 PM

Bhg. Keselamatan Kebakaran JBPM\_PNG; +3 more

LAPORAN PERAKUAN B...  
70 KBPELAKSANAAN PENGU...  
1 MB

2 attachments (1 MB) Download all

Assalamualaikum &amp; salam sejahtera tuan-tuan,

Dimajukan Surat Penguatkuasaan Perakuan Bomba di Bangunan Kerajaan untuk tindakan tuan-tuan Selanjutnya.

Kerjasama dan komitmen pihak tuan amat dihargai.  
Sekian, terima kasih.

--

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


Saya yang menjalankan amanah,

---Melalui Email---

(PgB HALIF BIN MOHD KHIR JUHARI)

Bahagian Keselamatan Kebakaran,  
Ibu Pejabat  
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

03-8892 7707



Th. Faizal +  
Th. Fete f  
Htk. d. b. m. c. g. &  
h. e. k. p. d. s. e. m. h. e.  
(checking).  
8.3

Sekiranya e-mel ini adalah SPAM, sila lampirkan e-mel asal kepada spam@lgovuc.gov.my dengan menekan 3 kekunci (Ctrl + Alt + F) secara serentak (MS Outlook client) atau klik tetikus kanan pada e-mel dan majukannya sebagai lampiran (OWA).